

09 NOV 1997

PERDANA MENTERI RASMI BANDAR TASEK BUKIT MERAH

TAIPING, 9 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Bandar Tasek Bukit Merah, projek pembangunan bercirikan rekreasi dan pelancongan di sini, Khamis ini.

Projek berharga RM3 bilion itu meliputi kawasan seluas 660 hektar dan mula dibangunkan pada tahun 1995 secara berperingkat-peringkat oleh syarikat Segi Objektif (M) Sdn Bhd, anggota Emkay Group of Companies.

Fasa pertama meliputi kawasan seluas 68 hektar dengan kos pembangunan bernilai RM170 juta telah hampir siap. Ia mengandungi taman tema air bernilai RM20 juta, hotel, pusat membeli-belah, lot banglo, kemudahan rekreasi di tasik serta kerja prasarana.

Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata Perdana Menteri dijangka tiba sebelah petang untuk upacara itu yang dijangka dihadiri 10,000 orang.

Pada 1995, Dr Mahathir merasmikan upacara pecah tanah bandar itu yang dijangka siap sepenuhnya dalam jangka masa 20 tahun.

Ramli berkata projek itu menawarkan kawasan percutian yang komprehensif dan boleh menjadi pusat pertumbuhan pelancongan di kawasan utara jika langkah-langkah tertentu diambil untuk memajukan potensinya. -- BERNAMA

HK RHM MAI